

# Rektor Kuin terima anugerah peringkat Asia

**KUALA KETIL** - Rektor Kolej Universiti Insaniah (Kuin), Prof Datuk Mohd Yusof Kasim menerima Anugerah Kepimpinan Pendidikan pada Majlis Penganugerahan Kecemerlangan Pendidikan Asia Ke-6 di Singapura, baru-baru ini.

Penolong Pendaftar Kuin, Hanafi Masri berkata, anugerah itu diberi berdasarkan sumbangan beliau dalam industri pendidikan serta kepimpinan yang ditunjukkan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Menurutnya, anugerah itu juga adalah satu pengiktirafan kepada Kuin sekali gus melonjakkan imej korporat sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam tersohor di persada dunia.

“Agak sukar sebenarnya seseorang untuk menerima anugerah ini kerana ia diperakui oleh Kongres Pendidikan Dunia. Terdapat lebih 41 negara yang terlibat dalam anugerah tersebut.

“Anugerah ini juga antara 50 kategori anugerah peringkat Asia seperti anugerah kecemerlangan dalam sektor perbankan Islam, perkhidmatan halal, pemasaran, perhotelan, perkhidmatan kesihatan, galian fesyen dan lain-lain,” katanya.



**Mohd Yusof (kanan) menerima sijil Anugerah Kepimpinan Pendidikan pada Majlis Penganugerahan Kecemerlangan Pendidikan Asia Ke-6 di Singapura.**